

PM: Undang2 Darurat untuk keselamatan rakyat

10 JAN 1984

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, kerajaan akan mengekalkan empat undang-undang darurat selama ia berkuasa untuk menentukan keselamatan rakyat terus dilindungi.

Ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 1984, Perdana Menteri menjelaskan, melalui undang-undang darurat itu, kerajaan dapat bertindak untuk kepentingan rakyat dan pada masa yang sama, membolchkannya berwaspada serta bertindak terhadap mana-mana pihak menerusi undang-undang itu.

Beliau menghuraikan demikian ketika menjawab gesnan ketua pembangkang, Encik Lim Kit Siang, supaya ditarik balik perisytiharan-perisytiharan darurat bertarikh 3 September 1964 (Konfrontasi Indonesia), 14 September 1966 yang berkuatkuasa hanya di Sarawak selepas Ketua Menteri ketika itu digulingkan. Mei 1969 dan 8 November 1967.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, dalam menguatkuasakan undang-undang darurat itu, kerajaan menyiasat dan membuat pilihan sesuatu kes yang perlu diambil tindakan.

Beliau memberi contoh, seseorang yang membawa pistol dan berniat jahat boleh dibicarakan di bawah undang-undang biasa, tetapi kalau dia mempunyai niat jahat, hukuman mati mesti dikenakan.

Perdana Menteri seterusnya mengingatkan, walaupun negara telah memenangi perjuangan menentang

komunis, ini tidak bermakna ancaman komunis telah berakhir.

"Komunis masih ada dalam hutan, bandar dan masih ada mereka yang bersimpati dengan komunis," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan kepada Dewan rakyat menyokong tindakan Kerajaan untuk menguatkuasakan Undang-Undang Darurat kerana mereka merasa lebih selamat dengan adanya undang-undang itu.

Kemudian beliau menyelar Pas, sambil menegaskan, pemimpinnya bukan saja tidak takut kepada raja, tapi juga tidak takut kepada Tuhan.

"Pas menggunakan ayat-ayat Quran dan hadis untuk mengabui rakyat bagi kemenangan mereka. Itulah sebabnya jumlah wakil Pas dalam Dewan ini berkurang dari empat kepada hanya seorang," ujarnya.

Perdana Menteri selpas itu mencyuarakan rasa kekesalnya kerana Pas telah menuduhnya sebagai firaun dan kafir.

"Saya rasa malu sikit kerana orang yang berserban membiarkan pengikut-pengikutnya pergi ke kampung-kampung untuk membuat pelbagai tuduhan."

Ketika berucap, Datuk Seri-Dr Mahathir diganggu beberapa kali oleh Encik Lim dan wakil DAP dari Kepong, Dr Tan Seng Ghiaw.

Kurang sedikit

Beliau membidas DAP kerana menunjukkan sikap seolah-olah la menjunjung raja-raja, sedangkan perkara itu tidak langsung tercatat dalam perlembagaannya.

"Kalau DAP betul-betul berpegang kepada prinsip menjunjung raja-raja, perkara ini mesti masukkan ke dalam perlembagaannya," katanya.

Perdana Menteri juga menyatakan, beliau terpaksa menjelajah ke seluruh negara untuk menjelaskan mengenai isu pindaan perlembagaan kerana DAP telah memutarbelitkannya dalam majalahnya, *The Rocket*.

"Kalau tidak ada rencana dalam majalah itu, kita tidak ada masalah," katanya.

Ketika itu Encik Lim bangun dan berkata: "Sekurang-kurangnya Perdana Menteri mengakui kuasa roket..." Datuk Seri Dr Mahathir menjawab: "Kuasa yang ada pada roket itu hanya kurang sedikit dari kuasa yang ada pada saya kalau saya tarik KDN..." disambut oleh gelak ketawa ahli-ahli Dewan.

Encik Lim bangun selamba dan berkata: "Itu satu ugutan."

Ini dijawab pula oleh Perdana Menteri: "Orang yang takut itulah orang yang biasanya bersalah."